

orang-orang Islam akan terdedah dengan yang demikian. Adakah yang demikian ini diredai oleh masyarakat Islam di negeri ini? Jawabnya terpulang kepada mereka tetapi bahayanya sudah nampak!

\* \* \*

### **Perkelahian Tentera Dengan Orang Awam**

Di dalam sebuah berita yang tersiar di dalam akhbar Inggeris tempatan menyatakan dalam ucapannya, Tengku Nazaruddin, Ketua Tentera Malaysia di Kucing mengingatkan angkatan bersenjata yang terletak di bawah tangannya jangan mengambil undang-undang bersendirian di dalam tangan mereka untuk memberi sesuatu keputusan.

Ingatan ini terbitnya ialah daripada pergaduhan pihak angkatan bersenjata itu dengan orang-orang awam di sana – yang nampaknya terjadi bagi kali yang kedua atau beberapa kali sudah.

Persoalan ini mengingatkan kita tatkala berjalan bersama-sama dengan seorang senator dari Sarawak yang terkenal di sebuah jalan raya Tanah Melayu di dalam mana bersama-sama di dalam motorkar kami ada beberapa orang anak-anak gadis. Di dalam masa berjalan itu di hadapan motorkar kami lalu lori angkatan bersenjata yang di dalamnya berisi pemuda-pemuda dari angkatan tentera yang berisi di dalamnya dengan beberapa pemuda-pemuda angkatan bersenjata itu.

Apabila mereka melihat di dalam motorkar kami ada anak-anak gadis, mulailah mereka tertawa-tawa dan mengenyit-ngenyitkan mata mereka serta

membuat kelakuan-kelakuan yang kurang sopan – selama motorkar kami terletak di belakang motorkar mereka.

Senator yang berasal dari Sarawak itu lalu berkata kepada kita tentang kelakuan itu. Beliau menyatakan inilah perangai-perangai yang selalu membawa pergaduhan di Sarawak – dan inilah juga halnya yang menjadi sebab pertentangan yang berlaku di antara pemuda-pemuda Sarawak dengan angkatan bersenjata. Dengan perkataan ini bererti bahawa akhlak yang berlaku atau terjadi adalah disebabkan oleh “gangguan” atas wanita-wanita atau seumpamanya – dengan lain-lain perkataan oleh kerana mereka mungkin terasa apabila mereka telah menduduki atau menjawat jawatan am di dalam angkatan bersenjata bahawa mereka boleh berkelakuan dengan sewenang-wenang iaitu perkara-perkara yang tidak disukai oleh orang ramai bahkan juga oleh ketua-ketua mereka dan oleh pemimpin-pemimpin mereka.

Mereka nampaknya melupakan sama sekali bahawa tugas mereka bukannya hanya memanggul senjata untuk berdiri dan menegakkan keamanan tetapi kepada mereka juga terletak satu tugas untuk mengawal kesejahteraan seluruh kaum terutamanya wanitanya daripada dikacau atau diceroboh orang.

Daripada apa yang terjadi nampak, sepanjang pendapat kita, boleh jadi di dalam pasukan angkatan bersenjata di dalam adanya guru-guru agama (imam-imam tentera) tidak pula di sampingnya ada pendidikan membentuk akhlak disertakan dengan ajaran agama yang disampaikan mereka.

Mungkin kalau ada pun kurang luas dan kurang membawa kesan.

Di sebalik itu di luar daripada masyarakat tentera penerbitan-penerbitan yang galaknya menerbitkan buku-buku sastera yang mengandungi seks. Sedang buku-buku yang bersifat pengetahuan dan sejarah hampir-hampir tidak ada.

Hampir semua penerbitan berkiblat dengan buku-buku sastera ini kerana pasarannya luas sedang pemerintah sendiri nampaknya tidak memberi suatu cara untuk mengalakkan penerbitan-penerbitan menerbitkan buku-buku yang berbentuk pengetahuan yang memimpin akhlak yang baik. Hal ini patut juga diambil perhatian oleh Timbalan Perdana Menteri di dalam mana beliau, bukannya sahaja memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri tetapi beliau memegang jawatan Menteri Pertahanan, Dalam Negeri dan Pembangunan Luar Bandar yang ketiga-tiga jawatan ini menurut pendapat kita mustahak memerhatikan dengan saksama soal-soal memulihkan pembentukan akhlak bukan sahaja di dalam angkatan bersenjata tetapi juga di dalam masyarakat terutamanya dasarnya hendaklah disesuaikan dengan dasar agama rasmi negeri ini ialah agama Islam.

\* \* \*

### **Tugas Bersama**

En. Othman bin Bulun, Menteri Muda Pembangunan Luar Bandar Malaysia di dalam ucapannya merasmikan penubuhan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia cawangan Selangor di antara lain menyatakan mengharap supaya pemimpin-pemimpin